

27/03/1997

Kejayaan Jepun majukan jiran

Mahfar Ali in Tokyo

TOKYO, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan mengenai pentingnya dasar 'memajukan jiran' diteruskan bagi mengekalkan kemajuan dan kemakmuran ekonomi di rantau ini.

Menurut Perdana Menteri, beliau sendiri menyokong kuat dasar itu yang mengamalkan semangat membantu orang lain kerana ia terbukti menjadikan rantau ini sebagai sebuah pusat pertumbuhan dunia dengan ekonominya yang cergas dan dinamik.

"Sejarah perkembangan ekonomi rantau kita baru-baru ini jelas membuktikan kebijaksanaan falsafah ini," katanya pada majlis jamuan yang diadakan rakan sejawatnya dari Jepun, Ryutaro Hashimoto, malam ini selepas kedua-dua pemimpin itu mengadakan pertemuan di kediaman rasmi Perdana Menteri Jepun di sini.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Jepun, mengajak negara berkenaan memperkukuhkan kerjasama dengan Malaysia hingga menjadi rakan kongsi yang kuat demi kebaikan kedua-dua pihak.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir juga mengimbau bagaimana Jepun membangunkan semula ekonominya yang musnah akibat peperangan.

Menurut Perdana Menteri, Jepun banyak memberi tumpuan terhadap negara membangun di Asia termasuk Malaysia sebagai pasaran utamanya, sedangkan rantau berkenaan ketika itu pada umumnya miskin dan tidak boleh menjadi pasaran yang baik kerana kuasa membelinya lemah.

"Sama ada kerana tiada pilihan atau satu keputusan ekonomi yang bijak, Jepun sudah melabur di negara miskin itu dengan mengambil peluang atas kemudahan dan kelebihan perbandingan termasuk kos pengeluaran yang rendah yang ditawarkan.

"Apabila Jepun maju sehingga menjadi gergasi ekonomi dunia, negara miskin ini secara perlahan-lahan juga menjadi makmur dan kini menjadi pasaran yang baik bagi barangan Jepun," katanya.

Dengan itu, menurut Perdana Menteri, kerjasama ekonomi dan bantuan yang diberikan Jepun sebelum ini membantu negara miskin itu memajukan infrastruktur sosioekonomi mereka dan mencapai kemajuan ekonomi yang baik.

Beliau berkata, negara itu juga kini membuka pasaran mereka kepada Jepun dan membantu meningkat serta memajukan ekonomi Jepun.

"Malaysia adalah salah satu negara yang mendapat faedah daripada perkembangan ekonomi luar Jepun dan ia kini menikmati pelaburan yang besar serta menjadi pasaran yang terbuka luas bagi barangan dan perkhidmatan Jepun," kata Perdana Menteri.

Malah, katanya, Malaysia dan negara Asia lain tidak melihat Jepun hanya sebagai satu sumber pelaburan dan tempat untuk memasarkan barangan masing-masing, tetapi lebih daripada itu.

"Malaysia mendapat inspirasi daripada kejayaan dan pencapaian Jepun. Sentimen kita terhadap Jepun adalah amat mendalam kerana hubungan kita begitu mesra dan berkait rapat dengan pembangunan semula dan kejayaan ekonomi Jepun," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap Jepun tidak saja akan meneruskan statusnya sebagai rakan dagang dan pelabur asing terbesar di Malaysia, malah turut meningkatkan penyertaannya selaras dengan perubahan di Malaysia yang kini memberi penekanan terhadap pelaburan dalam sektor teknologi tinggi dan berintensifkan modal.

Menurutnya, kemajuan teknologi dan perkembangan ekonomi dunia yang pesat memaksa kedua-dua negara menilai dan membina semula hubungan itu bagi

mengexploit potensi kerjasama ke tahap lebih tinggi.

"Projek Koridor Raya Multimedia yang baru saja dilancarkan Malaysia adalah satu bidang di mana kami ingin mendapat pembabitan Jepun," katanya.

(END)